

[Home](#) / [2025](#) / [May](#) /

BIOSMARTEAM UiTM Kuala Pilah Santuni Asnaf: Cetus Semangat Kesukarelawanan Anak Muda!

SDG

05/05/2025 / SARAH SHAZWANI ZAKARIA



SEREMBAN, 14 Mac – Seramai 27 sukarelawan daripada Persatuan Sarjana Muda Sains Biologi (BIOSMARTEAM) UiTM Kuala Pilah dan Angkatan Belia MFLS (ABM) Cawangan Negeri Sembilan dan Melaka telah berjaya melaksanakan program kesukarelawanan di Masjid Negeri, Negeri Sembilan. Program ini mendapat sokongan daripada Majlis Agama Islam Negeri Sembilan (MAINS) dan Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Negeri Sembilan (JHEAINS).

Program Biocare: Cahaya Ramadan – Connecting Hearts and the People ini dihadiri oleh 98 penerima sumbangan yang terdiri daripada golongan asnaf. Majlis dimulakan dengan ucapan pembukaan oleh Pengarah Program, Muhammad Akmal Fitri bin Rozaidin, dan disempurnakan oleh penasihat

program, Puan Sarah Shazwani binti Zakaria.



Aktiviti dimulakan dengan solat Asar berjemaah, diikuti dengan sesi Quran Hour yang memfokuskan kepada tadabbur Surah Al-Mulk. Seterusnya, sumbangan berupa barangan keperluan asas telah disampaikan kepada golongan asnaf. Program diakhiri dengan majlis berbuka puasa dan solat

Maghrib, Isyak, serta Terawih berjemaah.

Program ini bukan sahaja bertujuan menyantuni golongan yang memerlukan, malah menjadi platform penting bagi belia mengasah kemahiran insaniah seperti kepimpinan, komunikasi, kerja berpasukan, dan penyelesaian masalah. Liputan eksklusif oleh RTM turut menyerlahkan impak positif program ini.

Kerajaan dan agensi berkaitan terus komited dalam menyokong program kesukarelawanan sebagai wadah pembentukan belia yang bertanggungjawab dan cakna terhadap masyarakat. Diharapkan lebih ramai belia akan mengambil inisiatif untuk menyertai aktiviti sukarela, sekaligus memperkasa diri dan menyumbang kepada kesejahteraan negara.



Tags: [Fakulti Sains Gunaan \(FSG\)](#), [Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Negeri Sembilan \(JHEAINS\)](#), [Majlis Agama Islam Negeri Sembilan \(MAINS\)](#), [Persatuan Ijazah Sarjana Muda Biologi \(BIOSMARTEAM\)](#), [Pusat Pengajian Biologi](#), [UiTM Cawangan Negeri Sembilan Kampus Kuala Pilah](#), [Universiti Teknologi MARA \(UiTM\)](#)

Bengkel Pengacaraan Majlis Beri
Pendedahan dan Cungkil Bakat Staf
UiTM Cawangan Pahang

UiTM Dengkil Cetus Minat STEM
Dalam Kalangan Belia Menerusi
Program Outreach Interaktif

QUICK
LINKS

[Ministry of Higher Education](#)
[Academic Calendar](#)
[Intake Calendar](#)
[Graduate Quick Search](#)
[Library](#)
[UiTM Holdings](#)
[WiFi UiTM](#)

HUBUNGI
KAMI

[Universiti Teknologi MARA
\(UiTM\)](#)
40450 Shah Alam, Selangor
Darul Ehsan
Malaysia

Tel: +603-5544 2051 / 2000



E-Complaint

Copyright © 2026 UiTM NewsHub | Theme by: Theme Horse | Proudly Powered by: WordPress